

**UCAPAN BALAS
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
BERSEMPENA PENGANUGERAHAN LENCANA TUNAS KENCANA GERAKAN
PRAMUKA REPUBLIK INDONESIA
DI JAKARTA, INDONESIA
22 FEBRUARI 2007**

BISMILLAHIRAHMANI RAHIM.
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAAHI WABARAKATUH.

YANG MULIA BAPAK DR. SUSILO BAMBANG YUDHOYONO
PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA

YANG TERHORMAT MENTERI- MENTERI KABINET INDONESIA

YANG BERHORMAT MENTERI-MENTERI KABINET MALAYSIA

PARA DUTA BESAR

YANG TERHORMAT PROFESOR DR. AZRUL AZWAR
KETUA KWARTIR NASIONAL
GERAKAN PRAMUKA REPUBLIK INDONESIA
BESERTA AHLI-AHLI JAWATANKUASANYA

YBHG, DATO' SERI DR. HAJI SHAFIE MOHD. SALLEH
KETUA PENGAKAP MALAYSIA
BESERTA AHLI-AHLI PENGAKAP MALAYSIA

PARA TETAMU UNDANGAN SEKALIAN,

PERTAMANYA, IZINKAN SAYA UNTUK MENYAMPAIKAN UCAPAN TERIMA KASIH SAYA SETINGGI-TINGGINYA KEPADA KWARTIR NASIONAL GERAKAN PRAMUKA REPUBLIK INDONESIA DI ATAS PENGANUGERAHAN PENGHARGAAN TERTINGGI LENCANA TUNAS KENCANA GERAKAN PRAMUKA REPUBLIK INDONESIA KEPADA SAYA.

2. SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA YANG MULIA BAPAK PRESIDEN SUSILO BAMBANG YUDHOYONO, PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA, YANG JUGA SELAKU KETUA MAJELIS PEMBIMBING NASIONAL GERAKAN PRAMUKA, DI ATAS PENGANUGERAHAN LENCANA TUNAS KENCANA KE ATAS BELIAU.

YANG MULIA BAPAK PRESIDEN DAN PARA UNDANGAN SEKALIAN,

3. SEBAGAIMANA YANG KITA SEMUA TAHU, BERTEPATAN PADA HARI INI JUGA ADALAH HARI MEMPERINGATI PENGASAS KEPADA PERGERAKAN PENGAKAP DAN GERAKAN-GERAKAN SEUMPAMANYA, IAITU LORD ROBERT BADEN-POWELL YANG TELAH DILAHIRKAN PADA 22 FEBRUARI 1857.

4. PADA PRINSIPNYA, WALAUPUN GERAKAN PENGAKAP ATAU KEPRAMUKAAN INI TELAH BERUSIA LEBIH SERATUS TAHUN, FUNGSI DAN PERANANNYA ADALAH BERTERUSAN, DAN MAMPU BERTINDAK SEBAGAI PELENGKAP KEPADA DUNIA PENDIDIKAN ANAK-ANAK KITA.

5. GERAKAN-GERAKAN SEPerti PRAMUKA DI INDONESIA DAN PENGAKAP DI MALAYSIA ADALAH MERUPAKAN SUATU PROSES MENIMBA ILMU KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN YANG DAPAT MEMBANTU DAN MELENGKAPI PENDIDIKAN FORMAL.

YANG MULIA BAPAK PRESIDEN DAN PARA UNDANGAN SEKALIAN,

6. GERAKAN-GERAKAN SEPerti INI ADALAH PENTING UNTUK MEMBENTUK PERWATAKAN DAN KEPERIBADIAN YANG LUHUR BAGI GENERASI MUDA. DENGAN TURUT SERTA DALAM PROGRAM-PROGRAM SEPerti INI, PARA MUDA MUDI DAPAT MEMBENTUK KETERAMPILAN DAN PENGETAHUAN, MENINGKATKAN DISIPLIN DIRI DAN MEMBINA SEMANGAT KEBERSAMAAN BAGI PARA ANGGOTANYA. OLEH KERANA ITU SAYA SANGAT YAKIN BAHAWA PENDIDIKAN SEPerti INI ADALAH PENTING UNTUK GENERASI MUDA KITA PADA MASA SEKARANG DAN AKAN DATANG.

7. KITA HARUS MENJADIKAN GERAKAN PENGAKAP ATAU PRAMUKA BERPOTENSI UNTUK MENARIK MINAT PELAJAR DAN GENERASI MUDA MUDI UNTUK MENYERTAINYA. MINAT PARA PELAJAR DAN MAHASISWA UNTUK MENYERTAI AKTIVITI KO-KURIKULUM SEPerti INI PERLU DIPERTINGKATKAN. UNTUK ITU, GERAKAN PENGAKAP ATAU KEPRAMUKAAN HARUSLAH RELEVAN DAN BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI REALITI PADA MASA SEKARANG INI.

8. GERAKAN SEPerti INI TIDAK SEHARUSNYA DIJADIKAN GERAKAN UNTUK MENGISI MASA LAPANG SEMATA-MATA TETAPI IA BOLEH MENJADI PERTUBUHAN YANG DAPAT MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

9. GERAKAN PENGAKAP DAN PRAMUKA BOLEH MEMBANTU BAGI MELAHIRKAN INDIVIDU YANG BERPOTENSI DARI SEGI PERKEMBANGAN FIZIKAL, INTELEK, SOSIAL DAN KEROHANIAN, SERTA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT DALAM NEGARA DAN JUGA MASYARAKAT ANTARABANGSA.

YANG MULIA BAPAK PRESIDEN DAN PARA UNDANGAN SEKALIAN,

10. DALAM HAL INI, SAYA AMAT GEMBIRA DI ATAS ADANYA TERJALIN KERJASAMA YANG ERAT ANTARA GERAKAN PRAMUKA INDONESIA DENGAN PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA. SEPerti YANG TELAH SAYA NYATAKAN PAGI TADI DI ISTANA PRESIDEN, KEAKRABAN DAN TALIAN HUBUNGAN ANTARA INDONESIA DAN MALAYSIA MERANGKUMI PELBAGAI BIDANG DAN LAPISAN MASYARAKAT. ORGANISASI DAN PERTUBUHAN SEPerti GERAKAN PRAMUKA DAN PENGAKAP BOLEH MENJALIN PERSEFAHAMAN ANTARA RAKYAT KEDUA-DUA NEGARA. SECARA DEMIKIAN, MEREKA MENYUMBANG BAGI MEMPERTINGKATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN. SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA KWARTIR NASIONAL GERAKAN PRAMUKA REPUBLIK INDONESIA DAN JUGA PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA.

11. SEBAGAI AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH KEPADA GERAKAN PRAMUKA REPUBLIK INDONESIA DI ATAS PENGANUGERAHAN PENGHARGAAN TERTINGGI LENCANA TUNAS KENCANA INI.

12. SEKIAN, SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAAHI WABARAKAATUH.